

# Jangan biarkan Melayu dilihat lemah

Oleh FAUZI JAAFAR  
(WARTAWAN UTUSAN)

APA yang menariknya Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 yang akan berlangsung minggu depan? Mungkin inilah berlegar-legar dalam fikiran semua orang kerana perhimpunan itu adalah forum terbesar di negara ini.

Yang menarik dan kelainan bagi perhimpunan kali ini ialah ia bermula hari Isnin, 13 November dan berakhir pada hari Jumaat, 17 November.

Bukan itu sahaja, satu lagi kelainan ialah perwakilan G7 UMNO Bahagian Kinabatangan hanya menjadi pemerhati, bukannya perwakilan.

Persoalan seterusnya, apakah Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang menempatkan 4,959 perwakilan pada hari berlangsungnya perhimpunan akan bergema dengan isu hangat?

Bagaimanapun, dalam hal ini ia sukar dijangkakan. Isu orang Melayu sememangnya satu topik yang hangat jika dinaadakan dengan baik dan dibawa dengan sempurna oleh perwakilan.

Lupakan 4,959 perwakilan itu, lihat pada 2,563 perwakilan yang akan mendingar ucapan Dasar Presiden pada 15 November.

Ini kerana ucapan Dasar Presiden itu akan menentukan rentak dan hala tuju perwakilan dalam mengutarakan isu-isu

berkaitan Melayu sepanjang tiga hari perhimpunan itu berlangsung.

Dalam erti kata lain, ucapan Dasar Presiden adalah lampu hijau untuk perwakilan.

Walaupun Presiden belum membayangkan isu-isu tertentu dalam ucapan dasarnya, namun ada yang melihat isu orang Melayu tetap menjadi topik hangat.

Bagi Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu, Datuk Dr. Radzi Abd. Latiff, beliau melihat perhimpunan kali ini sebagai satu landasan terakhir untuk orang 'Melayu Berlari'.

"Ini bukan masanya orang Melayu berjalan, Melayu perlu berlari," katanya menambah perhimpunan kali ini sebagai pintu terakhir untuk memacu kejayaan orang Melayu.

Penganalisis politik itu berpendapat isu yang dijangka dibangkitkan ialah mengenai keadaan orang Melayu dalam fasa terakhir menuju kejayaan.

Bukan lagi menjadikan perhimpunan sebagai medan retorik, umpama tin kosong, tetapi sebagai medan melaksanakan segala-gala pendekatan yang boleh memajukan orang Melayu.

Oleh sebab itu, Radzi mencetuskan perkataan Melayu perlu berlari, dan bukannya lagi berjalan, apatah lagi untuk berjalan seperti 'itik pulang petang'.

Menurut beliau, satu lagi perkara penting yang perlu dititik-beratkan pada perhimpunan kali ini ialah sokongan tidak

berbelah bagi terhadap Presiden dalam memastikan perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dilaksanakan.

"Perancangan sudah lengkap, ada pemantauan... tetapi pelaksanaan mesti diperkasakan dan sistem penyampaian mestilah pula berkesan.

"Soalnya sekarang ialah semua ahli UMNO perlu beri mandat dan bertindak tegas memastikan agenda nasional dalam RMK-9 dijayakan," katanya.

Kejayaan RMK-9 itu turut berkait rapat dengan manifesto Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi parti UMNO.

"Jangan biarkan perhimpunan kali ini sebagai 'padang ranjau' untuk generasi akan datang. Biarlah generasi akan datang menikmati keberhasilan hasil daripada Perhimpunan Agung UMNO kali ini," tegas Radzi.

Sebenarnya perhimpunan kali ini perlu menjadi medan terbaik bagi pemimpin akar umbi mengukuhkan lagi sokongan mereka kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, beliau berkata, pemimpin-pemimpin cawangan, bahagian, Pemuda, Wanita, Puteri, Putera dan Majlis Tertinggi (MT) boleh menggunakan peluang semasa perbahasan pelbagai isu melibatkan parti dan negara untuk mengukuhkan semula sokongan mereka kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

"Saya fikir ini adalah peluang (perhimpunan agung parti) terbaik bagi pemimpin UMNO di semua peringkat untuk mengukuhkan sokongan mereka kepada pemimpin parti, terutama kepada Presiden dan Timbalan Presiden (Datuk Seri Najib Tun Razak)," katanya.

Perselisihan antara Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri dengan Abdullah terutama tindakan Dr. Mahathir sejak kebelakangan ini berterusan mengkritik kerajaan sedikit sebanyak mungkin mewarnai perhimpunan kali ini.

Walaupun Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad tidak menyekat perwakilan daripada membangkitkan isu, namun soalnya adakah perwakilan akan mencetuskan isu tersebut.

Radzi yang diajukan dengan isu itu menegaskan, jangan goyang dengan kritikan.

"Umpama kita mahu pergi mandi, jika nyamuk gigit sekalipun, takkan ia akan menghalang kita pergi mandi," kata beliau.

Katanya, kalau kritikan itu diberi tumpuan, orang akan lihat Melayu lemah, katanya.

"Kita harus hormat pada orang tua dan pemimpin terdahulu kerana itu adab Melayu, tetapi jangan kerana itu (kritikan) kita gagal untuk 'berlari dan melangkah jauh ke depan,' tegasnya.